



PEKELILING SETIAUSAHA JAWATANKUASA PERANCANG
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
BILANGAN 1 TAHUN 2012

**PERINGATAN ARAHAN PEMATUHAN KEPADA RANCANGAN
PEMAJUAN DAN PROSEDUR YANG DITETAPKAN DALAM
PEMBERIAN KEBENARAN MERANCANG BAGI SEBARANG
PEMBANGUNAN DI NEGERI SELANGOR**

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR

PEKELILING SETIAUSAHA JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
BILANGAN 1 TAHUN 2012

**PERINGATAN ARAHAN PEMATUHAN KEPADA RANCANGAN PEMAJUAN DAN
PROSEDUR YANG DITETAPKAN DALAM PEMBERIAN KEBENARAN
MERANCANG BAGI SEBARANG PEMBANGUNAN DI NEGERI SELANGOR**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi makluman kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pentadbir Tanah dan semua pihak yang terlibat di dalam permohonan pembangunan mengenai peringatan arahan pematuhan kepada rancangan pemajuan dan prosedur yang telah ditetapkan dalam pemberian kebenaran merancang bagi sebarang pembangunan di Negeri Selangor.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor dalam ucapan perutusan Pengerusi semasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 1/2012 pada 13 Februari 2012 yang lalu telah membangkitkan dan memandang berat akan isu ketidakpatuhan pihak-pihak tertentu seperti pemaju, tuantanah dan perunding kepada rancangan-rancangan pemajuan yang telah diwartakan di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bagi permohonan pemajuan yang dikemukakan untuk pemberian kebenaran merancang.

- 2.2 Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Pengerusi memberi peringatan kepada semua pihak supaya sentiasa mematuhi semua rancangan pemajuan dan prosedur kelulusan yang telah ditetapkan. Pihak-pihak berkepentingan perlu merujuk kepada rancangan pemajuan yang ada, sama ada Rancangan Tempatan ataupun Rancangan Kawasan Khas, sebagai asas panduan kepada setiap pembangunan yang hendak dicadangkan.
- 2.3 Beliau seterusnya mengingatkan PBT yang melaksanakan proses pengubahan, pembatalan dan penggantian rancangan pemajuan yang telah diwartakan supaya sentiasa mengikut prosedur sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta 172. Ini bagi memastikan proses tersebut dilaksanakan dengan betul mengikut perundangan yang ditetapkan.

3.0 KANDUNGAN PEKELILING

- 3.1 Pekeliling ini mengandungi arahan Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Pengerusi dalam perutusan Pengerusi semasa Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil 1/2012 pada 13 Februari 2012 yang memberi penekanan dan peringatan kepada semua pihak akan perkara-perkara berikut:
- i. Semua rancangan pemajuan iaitu Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas adalah merupakan **dokumen perancangan yang disediakan dibawah kuasa perundangan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)** dengan mematuhi peruntukan-peruntukan yang ditetapkan meliputi semua proses **penglibatan dan bantahan awam, kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri, persetujuan dari Pihak Berkuasa Negeri sebelum diwartakan.**


- ii. Semua pihak-pihak berkepentingan sama ada yang ingin memajukan tanah masing-masing seperti pemaju ataupun pemilik tanah serta perunding-perunding yang dilantik oleh pemilik-pemilik tanah **hendaklah merujuk dan mematuhi rancangan pemajuan** yang ada, sama ada Rancangan Tempatan ataupun Rancangan Kawasan Khas, **sebagai asas panduan utama** kepada setiap pembangunan yang hendak atau yang boleh dimajukan.
- iii. Semua pemberian kebenaran merancang oleh PBT dan kelulusan permohonan tanah oleh Pentadbir Tanah hendaklah mematuhi Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.
- iv. Semua PBT perlu membuat pertimbangan wajar bagi sebarang cadangan perubahan zon gunatanah dalam rancangan pemajuan. Sebarang cadangan perubahan zon gunatanah dalam rancangan pemajuan yang telah diwartakan **hanya boleh** dibawa ke Jawatankuasa Perancang Negeri untuk persetujuan proses perubahan dengan sokongan dan perakuan serta justifikasi yang kukuh daripada PBT. Ulasan daripada jabatan teknikal hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
- v. PBT yang hendak melaksanakan proses perubahan, pembatalan dan penggantian Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas **hendaklah sentiasa mengikut prosedur sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Seksyen 16, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)** bagi memastikan proses tersebut dilaksanakan dengan betul.

4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini hendaklah mendapat perhatian dan dilaksanakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan, Pentadbir Tanah, pemaju, pemilik tanah serta perunding yang melaksanakan pemajuan tanah di Negeri Selangor.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.



(HJ. MOHD. ZAKI BIN IBRAHIM)

Pengarah

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.

Merangkap

Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

26 April 2012